

28 AUG 2002

Adnan-Tioman/I

JANGAN BUAT SPEKULASI MENGENAI PEMBANGUNAN TIOMAN, KATA ADNAN

KUANTAN, 28 Ogos (Bernama) -- Pulau Tioman yang akan menjadi pulau bebas cukai mulai 1 Sept ini kurang dipromosikan kerana kerajaan negeri tidak mahu perkembangan terbaru itu menjadi bahan spekulasi, kata Menteri Besar Datuk Seri Adnan Yaakob hari ini.

Beliau berkata apabila orang ramai mula membuat spekulasi, penduduk yang tinggal di pulau berkenaan akan mula menjual tanah mereka kepada pihak lain.

"Kami mahu mengelak spekulasi, kami tidak mahu penduduk menjual tanah dan kami juga tidak mahu pembangunan mendadak berlaku di situ.

"Itu sebab kerajaan negeri, terutama Lembaga Pembangunan Tioman (TDA) kini kurang mempromosikan Tioman," katanya selepas mempengerusikan mesyuarat Exco negeri di sini.

Timbalan Menteri Kewangan Datuk Chan Kong Choy yang melawat pulau itu baru-baru ini, mengumumkan bahawa Pulau Tioman akan menjadi pulau bebas cukai mulai 1 Sept ini.

Adnan berkata kerajaan negeri juga kini menunggu arahan daripada Perdana Menteri Datuk Ser Dr Mahathir Mohammad mengenai bagaimana pulau itu hendak dibangunkan.

Menurutnya beliau dijadual mengadakan pertemuan dengan Perdana Menteri bagi membincangkan pembangunan Tioman pada 30 Ogos ini.

"Saya akan menemui Dr Mahathir pada 30 (Ogos) bagi menerima arahan daripadanya mengenai konsep (pembangunan) Tioman dan kami akan mematuhi arahnya.

"Kami juga ada rancangan, tetapi kami mahu mendengar sendiri daripada Perdana Menteri, kemudian saya akan membuat cadangan balas, idea saya," katanya.

Adnan berkata beliau yakin Dr Mahathir mempunyai rancangan untuk membangunkan Tioman memandangkan beliau merupakan pakar dan telah mencapai kejayaan besar dalam membangunkan Langkawi.

Adnan berkata berdasarkan pertemuannya dengan Perdana Menteri sebelum ini, Dr Mahathir sudah pun berkata bahawa beliau mahu Tioman kekal seperti sedia ada.

Beliau juga berkata kerajaan negeri sudah melantik ahli lembaga pengarah TDA dan beliau sendiri selaku Menteri Besar, akan mempengerusikan lembaga itu manakala Timbalan Menteri Besar Datuk Tan Mohd Aminuddin Ishak sebagai naib pengerusi.

Adnan berkata Setiausaha Kerajaan Negeri Datuk Abdul Rahman Abdul, pengerusi jawatankuasa kebudayaan, pelancongan dan hal ehwal wanita negeri Datuk Maznah Mazlan dan tiga pegawai dari Kerajaan Persekutuan turut dilantik sebagai ahli lembaga pengarah TDA.

-- BERNAMA

HIS LAT